

Headline	Najib paling layak selesai kemelut Dr Mahathir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	9	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,160
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,481



Najib paling layak selesai kemelut: Dr Mahathir

Kepong: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata krisis kepemimpinan MIC hanya boleh diselesaikan dengan bantuan pihak ketiga yang bukan dari kalangan parti itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak adalah pihak yang layak berbuat demikian bagi menamatkan kemelut itu yang semakin berlarutan.

"MIC ini selalu ada masalah. Saya ingat masalah ini patut dibetulkan oleh orang dari luar MIC, kalau sama-sama dia, mereka tidak akan mencapai persetujuan.

Kemelut sejak zaman Mahathir

"Masa saya dulu pun berlaku juga," katanya pada sidang media selepas meletakkan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas krisis dalaman MIC yang tercetus selepas Pendaftaran Pertubuhan (ROS) membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) dalam perhimpunan agung MIC di Melaka

pada November 2013.

Pemilihan semula

Dalam surat bertarikh 5 Disember lalu, ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi jawatan berkenaan dalam tempoh 90 hari.

Arahan itu susulan dakwaan wujud perkara yang melanggar peraturan dalam pemilihan pada mesyuarat agung berkenaan.

Mengulas sama ada beliau bersetuju jika diminta menjadi orang tengah, Dr Mahathir berkata beliau menarik diri.